



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN PROGRAM
DIGITAL@SEBERANGPERAI

OLEH

YANG BERTHORMAT TUAN JAGDEEP SINGH DEO A/L
KARPAL SINGH
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI P. PINANG
MERANGKAP
PENGERUSI JAWATANKUASA PERUMAHAN, KERAJAAN
TEMPATAN DAN PERANCANGAN BANDAR & DESA

TARIKH / MASA / TEMPAT
05 OKTOBER 2019 (SABTU)
10.30 PAGI

MYDIN MALL BERTAM

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan
Perancangan Bandar & Desa

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmod

Puan Setiausaha Bandaraya

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Kakitangan-kakitangan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Para Pengunjung Mydin Mall Bertam

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izinnya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Majlis Perasmian Program Digital@SeberangPerai yang dianjurkan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) di Mydin Mall Bertam.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri P. Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa; serta tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian kerana sudi hadir ke majlis ini.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Baru-baru ini, pada 16 September 2019 kita telah menyaksikan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dinaiktaraf secara rasminya menjadi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Dengan pengisytiharan ini,

MBSP menjadi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ke-15 daripada 150 PBT yang bertaraf bandaraya. Pulau Pinang adalah negeri pertama di Malaysia yang mana kedua-dua PBT di negeri itu bertaraf bandaraya.

MBSP akan tetap meneruskan usaha-usahanya sebelum ini dalam merealisasikan Seberang Perai sebagai Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar menjelang 2022. MBSP telah menghasilkan Hala Tuju Strategik Seberang Perai yang Mampan dan Lestari yang merupakan titik tolak ke arah kecemerlangan sosial baik dari segi kebersihan, pertumbuhan ekonomi, kesejahteraan sosial serta kelestarian alam sekitar. Ia merupakan perancangan pelaksanaan ke arah ***Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi.***

MBSP akan terus membawa perubahan agar semua rakyat Seberang Perai mendapat faedah. Antara komitmen MBSP ialah untuk menjadi bandaraya yang seiring dengan Penang 2030 “ *A Family – Focused Green and Smart State That Inspires The Nation*”, komited untuk menjadi sebuah bandaraya berteraskan pembangunan rendah karbon, sebuah bandaraya berdaya tahan, bandaraya yang inklusif, saksama dan pembangunan berpaksikan rakyat serta Seberang Perai komited untuk menjadi sebuah bandaraya yang kompetitif dan pintar.

Oleh itu, dalam mendapatkan pengiktirafan rakyat dan mengekalkan prestasi yang cemerlang, MBSP telah melaksanakan pelbagai program untuk rakyat dan menggariskan dasar-dasar atau garis panduan yang mudah, cepat, cekap dan telus. MBSP telah mewujudkan Hala Tuju Strategik Seberang Perai yang mampan dan lestari Jangka Pendek, Sederhana dan Panjang. Malahan ianya menjadi Kontrak Sosial bagi menjadikan “Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandaraya Dipacu oleh Teknologi”. Kontrak sosial ini menandakan bermulanya era *Contemporary Society* yang berpegang kepada falsafah “Seberang Perai Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar Berpaksikan Rakyat”.

MPSP juga telah menubuhkan Jawatankuasa Industri 4.0 (*Fourth Industrial Revolution Committee*) pada 28 Februari 2019 yang terdiri daripada *civil society*, Ahli-Ahli Majlis, pegawai kerajaan dan sektor swasta. Jawatankuasa ini akan membincangkan polisi berkaitan Industri 4.0 dan cara pelaksanaannya dengan mengambil manfaat *state of the art technologies* seperti AI, IoT, Big Data dan *wireless communication*, ke arah mencapai Bandaraya Rendah Karbon berasaskan Bandaraya Pintar. Pendekatan yang akan digunakan dalam menerokai Industri 4.0 berpaksikan rakyat atau *people centric Industrial Revolution 4.0*.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Penganjuran Program “Digital@SeberangPerai” adalah satu program yang pertama kali dilaksanakan oleh MBSP bagi memberi peluang kepada penglibatan komuniti bersama Teknologi Digital MBSP. Program ini merupakan satu program yang memberi pendedahan kepada komuniti dan penduduk Seberang Perai tentang Teknologi Digital yang terdapat di Pulau Pinang. Program hari ini bermula pada pukul 9.00 pagi dan akan berakhir pada pukul 5.00 petang ini.

Selain MBSP, hari ini kita menyaksikan penglibatan lima (5) agensi kerajaan dan dua (2) agensi swasta yang mempamerkan dan menawarkan perkhidmatan berasaskan teknologi digital. Program hari ini membuka peluang kepada agensi-agensi lain terutamanya agensi kerajaan untuk memperkenalkan perkhidmatan-perkhidmatan digital dan online. Pameran dan perkhidmatan digital dari agensi kerajaan dan swasta adalah:-

1. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)
 - Bayaran Cukai Kadaran / Taksiran
 - Semakan Cukai Kadaran / Taksiran

- Bayaran Sewa Gerai
- Pendaftaran ID Lesen Secara Online
- Bayaran secara online (MBSPPay)
- MyMBSP
- Aduan online
- Sistem Pemantauan Amaran Banjir (SPARK)

2. Agensi Kerajaan

i. Kerajaan Negeri Pulau Pinang

- Sistem ePintas (Aduan)
- Penang Digital Library (PDL)
- Bahagian Perumahan
- *Penang Towards A Smart International State* (BKT)
- *Penang Smart Parking* (BKT)

ii. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)

iii. Pejabat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

- *Pendaftaran i-Akaun Ahli*
- *Hantar borang penamaan*
- *Daftar simpanan Shariah*
- *Reset kata laluan i-Akaun*
- *Semak maklumat penamaan online*
- *Daftar i-Saraan & i-Suri*
- *Cetak Penyata KWSP*
- *Hantar borang pengeluaran untuk perumahan dan pengeluaran umur 50 / 55 / 60 Tahun*
- *Khidmat Nasihat*

iv. Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang

- *Bas e-Pustaka*
- *Robotik*

v. Jabatan Pendaftaran Negara Pulau Pinang (JPN)

- Permohonan gantian atau penukaran MYKAD

3. Agensi Swasta

i. Cytron Technologies Sdn. Bhd

- Permainan “Jangan Salah Langkah”
- Demo :
 - ✓ *Microbit Robot Demo*
 - ✓ *Raspberry PI sebagai Mini PC*
 - ✓ Demo barangan dan Kit

ii. Wessteck Multimedia

- *Interactive Floor Games*

Pada hari ini saya juga mengucapkan berterima kasih kepada Perpustakaan Pulau Pinang dan Syarikat Cytron di atas usaha untuk memperkenalkan teknologi robotik kepada para hadirin sekalian. Robotik adalah salah satu daripada pembelajaran STEM (*Science, Technology,*

Engineering and Mathematic) yang menekankan penggunaan teknologi baru dan terkini dalam menuju ke arah Bandaraya Pintar. Dalam menuju ke arah bandar pintar, golongan muda perlu diperkenalkan dengan teknologi baru seperti robotik bagi memastikan mereka tidak ketinggalan di masa hadapan. MBSP mengamalkan *inclusiveness* dengan mengambil kira semua pihak selaras dengan matlamat *no one left behind*. MBSP juga menyediakan aktiviti *hands on DIY assembly toys* pada hari ini.

Selain memperkenalkan perkhidmatan dan kemudahan digital sedia ada, program hari ini menonjolkan berbagai jenis permainan elektronik dan yang berbentuk pendidikan. Saya mengharapkan para pengunjung mengambil peluang ini untuk melawat ruang pameran yang sedia ada dan mengambil bahagian dalam permainan dan pertandingan yang disediakan.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

MBSP telah mengisytiharkan tahun 2019 sebagai *People Centric Year* semasa pembentangan Bajet 2019 pada 25 September 2018. *People centric* 2019 memberi penekanan kepada kecekapan dan kepantasan penyampaian perkhidmatan melalui penggunaan teknologi IoT, *cloud computing* serta penerokaan Industri 4.0.

Warga Bandaraya Seberang Perai dahagakan satu sistem penyampaian perkhidmatan yang mudah dan pantas. Justeru MBSP telah membangunkan Cyber Counter bagi memudahkan pengguna untuk mengakses Perkhidmatan Atas Talian secara efektif dan efisien. Cyber Counter adalah mudah dan senang serta lebih mesra pengguna yang memudahkan urusan dilaksanakan tanpa perlu hadir sendiri ke kaunter berpusat MBSP. Ianya menjimatkan masa pengguna untuk membuat semakan, kemaskini dan transaksi pembayaran. Ianya cepat, pantas dan boleh diselesaikan di mana-mana sahaja pada bila-bila masa oleh sesiapa sahaja. Ianya mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan dengan mengutamakan rakyat.

Rakyat boleh melaksanakan transaksi yang pantas melalui *Cyber Counter* MyMBSP seperti permohonan lesen, pembayaran cukai dan kompaun kesalahan, pemeriksaan status kompaun kesalahan, tempahan kemudahan-kemudahan sukan dan komuniti, mendapatkan maklumat terkini dan menyemak program-program yang dilaksanakan, tempat-tempat menarik dan lokasi pusat pengumpulan bahan-bahan kitar semula. MyMBSP mesra dengan telefon pintar, *Operating System* adalah Android atau iOS dan boleh dimuat turun melalui PlayStore.

Hari ini, kita juga akan menyaksikan Pelancaran *Cyber Counter* MBSP di mana antara perkhidmatan yang disediakan dalam Cyber Counter MBSP adalah:-

1. **ADUAN**

Pengguna boleh menyalurkan sebarang masalah atau aduan yang melibatkan perkhidmatan MBSP.

2. **CUKAI KADARAN / TAKSIRAN**

Pengguna boleh membuat semakan dan transaksi pembayaran cukai bangunan / tanah.

3. **CAGARAN**

Pengguna boleh membuat semakan status bayaran balik cagaran.

4. **TENDER / SEBUTHARGA**

Pengguna boleh membuat semakan, kemaskini dan cetak tender / sebutharga.

5. **MBSPPAY**

Merupakan pusat sehenti yang menyediakan kemudahan untuk pembayaran bil-bil MBSP secara elektronik seperti cukai taksiran, sewaan gerai / tapak, kompaun letak kenderaan, kompaun halangan, kompaun pelesenan, kompaun bangunan, kompaun perbandaran, kompaun kesihatan dan kompaun veteriner.

6. **TEMPAHAN KEMUDAHAN**

Pengguna boleh membuat tempahan kemudahan dewan, kompleks sukan dan peralatan gotong - royong.

7. **PEMAJU**

Pengguna boleh membuat semakan senarai pembeli dan akses ke Sistem Pemantauan Pintar.

8. **JAWATAN KOSONG**

Permohonan pekerjaan yang dibuka oleh MBSP kepada pengguna.

9. **OSC ONLINE**

OSC Online adalah sebuah sistem elektronik untuk membuat dan memproses permohonan untuk projek - projek kawalan PBT.

10. **KLINIK PANEL**

Pengguna boleh membuat semakan, kemaskini dan transaksi bayaran melalui Sistem Panel Klinik MBSP.

11. **PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN**

Penggunaan boleh membuat permohonan pembaharuan, pindaan butiran lesen seperti nama syarikat dan nama pemohon dan permohonan pembatalan lesen perniagaan.

MBSP akan terus komited untuk membawa perubahan kepada rakyat dalam *institutional reform* dan sistem penyampaian seperti penggunaan teknologi digital supaya semua rakyat Seberang Perai dapat menikmati faedahnya. *Institutional reform* atau pembaharuan institusi sistem penyampaian yang cekap dan berkesan akan membuahkan hasil positif yang memberi manfaat kepada rakyat dan menjadi asas yang betul untuk Seberang Perai. Pembaharuan institusi akan membantu meningkatkan kualiti pertumbuhan Seberang Perai dan menjadikannya inklusif. Pembaharuan institusi dan sistem penyampaian yang pantas berada di bawah *Strategic Initiatives C4* iaitu *Accelerate Programme Delivery And Institutional Reform* dalam Penang2030.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Saya mengalu-alukan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan ke Program Digital@SeberangPerai . Lawatilah ruang-ruang pameran serta ambil bahagian dalam pelbagai aktiviti yang diadakan di sini pada hari ini. Program hari ini diharapkan dapat mewujudkan kesedaran berhubung kemudahan digital sedia ada dan kaedah penggunaan untuk kemudahan bersama.

Sebelum saya mengakhiri kata-kata saya, terima kasih saya ucapkan kepada semua yang bertungkus lumus bagi menjayakan Program Digital@SeberangPerai dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan dan swasta. Terima kasih tidak terhingga kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri P. Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa, Ahli-Ahli Majlis, warga kerja MBSP serta seluruh penduduk Seberang Perai yang hadir memberikan sokongan padu ke atas usaha-usaha ini.

Saya berdoa dan berharap agar rakyat Seberang Perai akan hidup aman, makmur, sejahtera dan menjadi masyarakat global yang bermaklumat. Jadikan cabaran pemangkin semangat untuk kita terus berjuang menjadikan “*Seberang Perai Aspiring City Of Tomorrow*” atau “Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan”.

Sekian. Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.